

Dr M tidak disoal: Saksi

Pegawai penyiasat kurang pasti bekas PM pernah lawat kilang di Jepun

**Perbicaraan
Eric Chia**

Oleh Munira Yusoff

KUALA LUMPUR: Pegawai penyiasat kes pecah amanah jenayah RM76.4 juta membabitkan Tan Sri Eric Chia Eng Hock tidak pernah merekodkan sebarang keterangan saksi daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sepanjang siasatan kes itu.

Han Chee Rull memberitahu Mahkamah Sesyen di sini, semalam, be-

liau tidak pasti sama ada Chia dan Dr Mahathir pernah berhubung melalui surat mengenai rundingan Perwaja Rolling Mill and Development Sdn Bhd (PRMD), termasuk mengenai perjanjian bantuan teknikal (TAA) antara PRMD dengan syarikat NKK Corporation (NKK), Jepun.

"Saya tidak tahu sama ada beliau (Dr Mahathir) pernah melawat kilang NKK di Fukuyama, Jepun, sebelum perjanjian TAA itu ditandatangani antara NKK dan PRMD.

"Saya juga tidak tahu sama ada Dr Mahathir tahu berapa nilai keseluruhan TAA itu," katanya ketika menjawab soalan peguam bela, Datuk Mu-

BH- 11/4/2007
hammad Shafee Abdullah.

Beliau menegaskan siasatan terhadap Chia dilakukan secara adil dan menyeluruh, walaupun pada masa itu isu mengenai masalah Perwaja memang hebat diperkatakan, termasuk di Parlimen.

Bagaimanapun, beliau tidak tahu ada permintaan supaya Perwaja mengemukakan akaunnya kepada Parlimen.

Han juga berkata, beliau pernah melihat satu salinan surat daripada bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin bertarikh 7 Jun 1995 yang dibekalkan kepadanya ketika siasatan kes.

"Saya tidak cuba mendapatkan sa-

linan asal daripada Perwaja. Saya juga tidak pernah dapatkan kepastian, sama ada surat itu benar-benar dihantar Daim," katanya.

Dalam keterangan saksi sebelum ini, mahkamah dimaklumkan Daim pernah menghantar surat kepada Chia memaklumkan Dr Mahathir memutuskan dia meletakkan jawatan sebagai Pengarah Urusan Perwaja.

Daim yang ketika itu menjadi Penasihat Ekonomi Kerajaan berkata, Dr Mahathir membentangkan cadangan berkeputusan selepas mengambil kira kesihatan tertuduh, manakala Chia sendiri mencadangkan jawatannya diambil alih Wan Abdul Ghani Wan Ahmad.